

SABARUDDIN HUSSEIN

Penulis Bestseller *Konspirasi Yahudi*



Perang Arab Israel

SELAGI BELUM KIAMAT

"Dia menurunkan golongan Ahli Kitab (kaum Yahudi) yang membantu tentera musuh dari benteng-benteng mereka, dan Dia memasukkan perasaan gerun ke dalam hati mereka. Sebahagian daripada mereka kamu bunuh, dan sebahagian lagi kamu tawan."

Surah Al-Ahzab, ayat 26

Mendedah
Punca Kekalahan
Negara-Negara
Arab




Perang Arab Israel

Sabaruddin Hussein adalah seorang usahawan, penulis, penterjemah, dan pengkaji sejarah. Beliau pernah mendapat Anugerah Penterjemah Bahasa Melayu untuk Syarikat Senarai Awam 2004/2005 di Anugerah Citra, Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara hasil penulisan beliau adalah Buku Ulangtahun ke-50 Bank Rakyat dan Buku Ulangtahun ke-50 Maktab Kerjasama Malaysia (MKM).

Kini beliau bergiat aktif mengkaji dan menulis berkaitan perkembangan Yahudi antarabangsa. Buku yang beliau hasilkan adalah Agenda Yahudi Menakluk Dunia (2010) dan Konspirasi Yahudi: Perang & Penaklukan (2011).



TUN DR. MAHAZHIR MOHAZIR



Perang Arab Israel

SELAGI BELUM KIAMAT

Sabaruddin Hussein 05/02/2014

SABARUDDIN HUSSEIN

TERIMA KASIH TUN, KERANA
JEMU INSPIRASI KAMI.



PTS ISLAMIKA SDN. BHD
pts.com.my/islamika

PUSTAKA PERDANA



1011530



PTS ISLAMIKA SDN. BHD.

(847946-W)

No 12 & 12A, Jalan DBP

Dolomite Business Park

68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia

Tel: +6 03 6188 0316 Faks: +6 03 6189 0316

E-mel: ptsislamika@pts.com.my

Laman web rasmi PTS: www.pts.com.my

Kedai buku online PTS: www.bookcafe.com.my

Facebook: www.facebook.com/bukuPTS

Twitter: www.twitter.com/bukuPTS

Hak cipta terpelihara, Sabaruddin Hussein, 2012

Terbitan Pertama, 2012

Cetakan Kedua, 2013

Cetakan Ketiga, 2013

Cetakan Keempat, 2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PTS Islamika Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia Data pengkatalogan dalam-Penerbitan

Sabarudin Hussein,

Perang Arab Israel selagi belum kiamat

Sabaruddin Hussein.

ISBN 978-967-366-152-7

1. Judaism. 2. Judaism--Relations--Islam.

I. Judul.

296

Dicetak oleh:

BS Print Sdn Bhd,
No 10, Jalan Indrahana 1,
Off Jalan Kuchai Lama,
58100 Kuala Lumpur.

Diedarkan oleh:

PTS PUBLICATIONS &
DISTRIBUTORS SDN. BHD.

Tel: +6 03 6188 0316

Faks: +6 03 6189 0316

E-mel: sales@pts.com.my

Pengarah Penerbitan:

Fauzul Na'im Ishak
(fauzuln@pts.com.my)

Pengurus Besar Penerbitan:

Mohd Ikram Mohd Nor Wazir
(ikram@pts.com.my)

Pengurus Penerbitan:

Imran Azmi
(imran@pts.com.my)

Pengarah Seni:

Hisham Salmin
(hishamsalmin@pts.com.my)

Penasihat Akademik:

Prof. Emeritus Abdullah Hassan
(profabdullah@pts.com.my)

Editor Pengurusan:

Norhayati Mat Nor
(hayati@pts.com.my)

Penyunting:

Zaki Zainol

Susun Atur:

Anis Suziana Ahmad

Pembaca Prof:

Mazlia Murat

Editor Praktikal:

Abdul Hakim Khairuddin

Kulit:

Shahroll Izra' Ishak
(shahroll@pts.com.my)

Muka Taip Teks: Adobe Garamond Pro
Saiz Teks: 12

NOTA PENERBIT

Muhammad bin Abdullah atau Nabi Muhammad yang dimaksudkan dalam buku ini adalah Nabi dan utusan Allah s.w.t. Bagi orang Islam, apabila bertemu dengan perkataan itu, digalakkan berselawat (berdoa) untuknya.

Dalam Al-Quran, surah *Al-Ahzab* ayat 56, Allah s.w.t. menyatakan yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang beriman, berselawatlah kamu kepadanya dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.”

Nasaie dan Ibnu Hibban melaporkan, Nabi Muhammad s.a.w. berpesan, “Sesungguhnya orang paling dekat denganku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku.”

Bacalah selawat, “*Allahumma solli ‘ala Muhammad wa ‘ala aalihi wa as-haabihii ajma’iin*”. Maksudnya, “Ya Allah, kurniakanlah kepujian atas Nabi Muhammad, ahli keluarga, dan sekalian sahabat-sahabat baginda.”

PTS Islamika Sdn. Bhd. adalah penerbit buku-buku dalam bidang agama Islam dengan pendekatan dan bahasa moden.



Kandungan

KATA PENGANTAR	IX
PENDAHULUAN	XIII

BAB I

PALESTIN PADA AWAL KURUN KE-20 DAN PERTUMPAHAN DARAH BERMULA	2
Penghijrahan Yahudi ke Palestin	2
Pertumpahan Darah Bermula	5
Campur Tangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu: seperti Tikus Membaiki Labu	10
Perang Arab-Israel I (1947)	14
Arab Legion Army (ALA): Pembela Nasib Palestin	18
Kronologi Perang 1947 hingga ke Ambang Perang Kemerdekaan	21

BAB 2

PERANG ARAB-ISRAEL II (1948)	30
Pengisytiharan Kemerdekaan	31
Perang Bermula	34
Langkah Strategik Ben Gurion	35

Taring Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	36
Pembunuhan Perunding Damai PBB	40
Semangat yang Kian Pudar	42
Kronologi Perang Kemerdekaan 1948	49
Impak Peperangan Arab-Israel I & II	55
Profil David Ben Gurion	59

BAB 3

PERANG ARAB-ISRAEL III (PERANG SUEZ-1956)	66
Suasana Selepas Perang 1948	66
Mengenai Terusan Suez	68
Terusan Suez Mencetuskan Krisis	69
Protokol Sevres	72
Operasi Kadesh: Strategi Serangan Israel	75
Israel Memulakan Gerakan Tentera Darat	76
Pertempuran Udara	77
Tentera Laut Mesir Ditewaskan dengan Mudah	78
Serangan terhadap Suez oleh British dan Perancis	79
Reaksi Antarabangsa	82
Tekanan Kewangan	87
Kesan Perang 1956	88
Pengajaran	90

BAB 4

PERANG ARAB-ISRAEL IV (PERANG ENAM HARI– 1967)	94
Latar Belakang	94
Memberi Kepercayaan kepada Pihak yang Salah	96
Para Pemimpin Bertikam Lidah	101
Analisis Kekuatan Angkatan Tentera	102
Kegagalan Mengenal Pasti Kekuatan Musuh	
Punca Kekalahan	104
Serangan di Bukit Golan	108
Kronologi Perang 1967 (Perang Enam Hari)	114
Perang Enam Hari: Mesir dan Syria Diaibkan	117
Malapetaka Melupakan Ajaran Islam	120
Profil Jamal Abdel Nasser	124
Dasar Luar Mesir di bawah Jamal Abdel Nasser	125
Impian Menjadi Pemimpin Dunia Arab	127
Nasser dan Campur Tangan di Yaman	129
Nasser dan Israel: Permusuhan Tidak Berkesudahan	130

BAB 5

PERANG ARAB-ISRAEL V (PERANG YOM KIPPUR-1973)	136
Langkah Awal Sadat	137
Amerika Syarikat dan Israel Tersalah Perkiraan	140
Api Peperangan Semakin Membara	142

Selepas Perang dan Kesan Perjanjian Damai	152
Profil Anwar Sadat (1918 – 1981)	154
Perang Yom Kippur Permainan Korporat Yahudi	155
Pembunuhan Anwar Sadat	158

BAB 6 -----

KONFLIK ISRAEL DAN LUBNAN (1978-2006)	162
Kemunculan Hizbullah: Singa Lubnan Selatan	166
Perang Hizbullah-Israel (2006)	167
Israel Dihina Melalui Perjanjian Damai	173
Semenanjung Gaza: Tragedi Kemanusiaan	
Terburuk Pernah Disaksikan Dunia	176
Kekejian yang Didalangi oleh Amerika Syarikat	181

BAB 7 -----

KEKACAUAN BERLELUASA AKIBAT CAMPUR TANGAN YAHUDI	186
Perancangan Jangka Panjang Yahudi Melalui NATO	188
Internet Sebagai Media Pencetus Kekacauan	192
Rangkaian Laman Sosial	196
Iktibar di Sebalik Sejarah Persengketaan Arab-Israel	199
Kisah Yasser Arafat	206
Apakah Pendirian Kita?	210

BIBLIOGRAFI

214

Kata Pengantar

Sejak pencerobohan terhadap bumi Palestin dan penubuhan Negara Yahudi di atas tanah orang Palestin melalui restu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Yahudi tidak pernah cuba untuk berdamai dengan umat Islam malah meneruskan konfrontasi mereka dengan pelbagai cara. Pembinaan tembok, perampasan tanah warga Palestin, pendudukan haram, dan pembinaan petempatan haram Yahudi diteruskan demi *survival* mereka tanpa mempedulikan halangan undang-undang antarabangsa ataupun kutukan masyarakat dunia, malahan jikalau ada mana-mana pihak yang cuba membantu dan menolong umat Arab khususnya kaum Palestin maka Israel akan mencari alasan untuk meneruskan kekejamannya sebagai tanda protes dan menunjukkan kekuatan.

Untuk membaca dan mengetahui bagaimana watak dan perwatakan bangsa Yahudi dan kelicikan mereka dalam mempertahankan *survival* bangsa mereka, maka buku ini dapat menceritakan segala-galanya untuk direnung dan dijadikan iktibar satu bangsa yang berterusan

melakukan kezaliman, penindasan, dan pertumpahan darah tanpa henti. Wajarliah mereka dilaknat oleh Allah s.w.t. kerana kekejaman dan kemunggaran yang mereka sebarkan atas muka bumi ini. Kupasan dan naratif penulis tentang Yahudi dan seluruh konspirasinya amat menarik dan mempesonakan.

Selamat membaca.

Profesor Madya Dato' Dr. Abdul Razaq Ahmad

Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Mencabar sejarah daripada perspektif di luar kelaziman dan menyanggah maklumat yang sering dipaparkan dalam media arus perdana serta pembacaan umum, bukanlah sesuatu yang mudah. Maklumat yang dikemukakan amat wajar dipertimbangkan kebenarannya kerana perkaitan antara peristiwa dan bukti-bukti yang dikemukakan adalah begitu rapat dan ketara menyebabkan kita berasa seperti menyingkap suatu lembaran baharu rahsia yang selama ini membelenggu pelbagai peristiwa penting kemanusiaan global.

Parihah binti Hasan

Yayasan Pembangunan Islam Malaysia (YaPEIM)
Kuala Lumpur.

Setiap pembaca perlu memahami aspek gambaran sebenar matlamat yang ingin dicapai oleh golongan Yahudi Zionis dari setiap strategi, propaganda, konspirasi, serta pembunuhan yang dilakukan, bukannya hanya melihat kepada peristiwa itu seadanya kerana kelicikan Yahudi sentiasa mempunyai penyamaran bagi melindungi matlamat setiap tindakan mereka. Mereka akan menggunakan media dan propaganda bagi mewajarkan tindakan yang diambil, tanpa mempedulikan siapakah yang menjadi mangsa dan menerima kesan daripada tindakan itu. Kita hanya akan memahami sisi keji Yahudi ini sesudah kita mengkaji dan memerhati pola pemikiran, strategi 'permainan' dan tindakan mereka dengan lebih mendalam.

Para pembaca dibawa mengembara menelusuri sejarah penubuhan Israel, penglibatan mereka secara langsung dalam tragedi kemanusiaan, pembunuhan beramai-ramai, pembersihan etnik terancang, dan persekongkolan dengan pelbagai pihak lain yang rela dijadikan tunggangan seperti Britain, Amerika Syarikat, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Negara Atlantik Utara (NATO) malah dalam kalangan negara Islam sendiri seperti Mesir dan sesetengah negara Arab yang lain.


Ahmad. Helme Sabli

LLM, London

Perunding Undang-Undang.

ISRAEL WITH THE WEST BANK, GAZA STRIP, AND GOLAN HEIGHTS

- National capital
- District (metroz) centre
- City town
- ✈ Airport
- International boundary
- - - - - Boundary of former Palestine Mandate
- - - - - Armistice Demarcation Line
- - - - - District (metroz) boundary
- == Main road
- Secondary road
- ▬▬▬ Railroad
- Oil pipeline



Peta Palestine-Israel yang dikelilingi oleh negara-negara Arab dengan Mesir di barat, Jordan di timur, Lubnan di utara, dan Syria di tenggara. (Sumber Wikipedia: <http://www.un.org/Depts/Cartographic/map/profile/israel.pdf>)



Pendahuluan

"**B**agi mencapai matlamat, kita perlu mencetuskan peperangan. Ia bukan sahaja bertujuan hendak menguasai sesebuah negara, malah ia turut mendorong kita memperoleh keuntungan dan kekukuhan dari segi ekonomi.... Ketika itu, kita akan memerintah negara itu mengikut undang-undang dan peraturan mereka sendiri."

Protokol Kedua

Protokol ini menjadi asas penting dalam memahami pendirian Yahudi dalam perang yang seterusnya membentuk satu stigma sejagat kepada bangsa itu. Secara harfiahnya, Yahudi berpendapat, bagi membolehkan mereka berkuasa, sesebuah negara atau kerajaan perlu diheret ke kancah perang. Mereka percaya, perang adalah landasan bagi meraih keteguhan dari segi politik dan ekonomi, yang diperoleh melalui penyertaan mereka secara langsung ataupun tidak langsung demi menjamin kelangsungan kewujudan mereka. Apabila perang selesai, negara itu akan dikuasai oleh boneka-boneka Yahudi yang bertindak mengikut

undang-undang dan pentadbiran yang dikehendaki oleh rakyat negara itu. Dalam kata lain, kerajaan boneka itu akan memerintah mengikut kehendak Yahudi berdasarkan undang-undang baru negeri itu.

Walaupun buku saya sebelum ini, *Agenda Yahudi Menakluk Dunia* (2010) disusuli oleh *Konspirasi Yahudi: Peperangan dan Penaklukan* (2011) secara umumnya turut menampilkan bukti kecenderungan Yahudi pada peperangan dan keterlibatan mereka dalam pelbagai tragedi kemanusiaan khususnya dalam tempoh 100 tahun terakhir ini, namun kedua-dua buku itu lebih menumpukan pada pembabitan mereka secara sulit sebagai kuasa di belakang tabir.

Buku *Perang Arab-Israel: Selagi Belum Kiamat* ini sebaliknya menampilkan bukti-bukti yang lebih terperinci. Bukti-bukti ini diambil daripada sumber Yahudi sendiri mengenai penglibatan secara langsung mereka dalam peperangan yang mendorong kepada pelbagai pencabulan hak asasi, kezaliman, dan pembunuhan orang awam terutamanya wanita dan kanak-kanak demi merampas bumi Palestin bagi dijadikan negara mereka sendiri.

Perjuangan gerakan Zionis selama bertahun-tahun bagi mendapat hak mendiami sebuah wilayah yang boleh mereka namakan negara, berakhir apabila kerajaan British memberi lampu hijau kepada para pemimpin Yahudi bagi menduduki bumi Palestin. Ia seperti menamatkan tahun-tahun duka mereka yang dipenuhi dengan peristiwa hitam seperti pembunuhan beramai-ramai, dihalau keluar dari sebuah negara ke negara lain tanpa sebarang kepastian masa hadapan.

Kejayaan ini memperlihatkan keberkesanan gandingan kerjasama seluruh jentera Zionis dalam mengatur strategi dan menggunakan segenap pengaruh wang serta kuasa mereka bagi memastikan dua kuasa utama, iaitu Britain dan Perancis yang kemudiannya digantikan oleh Amerika Syarikat apabila kuasa utama dunia beralih ke sana. Kuasa-kuasa ini sentiasa berdiri teguh menyokong apa sahaja yang

diputuskan oleh Knesset Israel – perang, pembunuhan, sekatan, pengasingan, dan penghijrahan penduduk Yahudi ke negara impian mereka walaupun terpaksa mengorbankan nyawa saudara sebangsa mereka di Eropah dan juga di beberapa negara Timur Tengah.

Perpindahan secara besar-besaran Yahudi ke Palestin bermula sejak akhir abad ke-19 lagi dan semakin galak selepas tamat Perang Dunia Pertama (berikutan Perisytiharan Balfour) hingga ke tempoh sedekad selepas Israel ditubuhkan. Pada mulanya, penghijrahan ini mewujudkan masalah besar kepada pentadbiran British kerana ia memerlukan petempatan yang luas bagi membina kediaman penghijrah itu.

British sedar bahawa orang Yahudi tidak dapat ditempatkan dalam kalangan Arab begitu sahaja kerana ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati mereka yang sekian lama menetap di negara itu. Justeru, pendatang Yahudi dibenarkan mendiami petempatan khusus lalu diberi status penghuni atau penduduk tetap (PR) bagi membolehkan mereka membeli tanah dan memiliki harta di situ dengan hak yang sama rata dengan penduduk berbangsa Arab; kerana pada masa itu, Palestin adalah sebuah wilayah jajahan British.

Bermula dari langkah itu, Yahudi tidak menoleh ke belakang lagi. Apa yang mereka perlukan adalah dana sebanyak mungkin bagi mengaburi mata tuan tanah berbangsa Arab. Majoriti pemilik tanah tidak tinggal di Palestin. Lalu, Yahudi menawarkan harga setinggi mungkin bagi tanah mereka yang pada masa itu didiami oleh penduduk Arab Palestin. Limpahan dana dari luar yang disumbangkan oleh hartawan Yahudi di Eropah dan Amerika Syarikat melalui sebuah tabung khas; menjadikan harga tanah di Palestin melambung tinggi tanpa kawalan sehingga mengaburi mata tuan tanah berbangsa Arab yang tamak haloba.

Kewujudan Yahudi dalam kalangan Arab juga membentuk pola baru dalam geo-politik di Palestin yang berkisar pada masalah perebutan tanah dan kuasa sehingga mendorong berlakunya banyak peristiwa pertumpahan darah. Keadaan di Palestin yang sememangnya tidak pernah sunyi daripada sengketa pertelingkahan sejak sekian lama, menjadi bertambah buruk apabila pembunuhan mula berleluasa. Ia bermula dengan tindakan mogok dan sabotaj penduduk Arab terhadap British yang menjadi punca segala masalah ini kerana bersekongkol dengan pemimpin Zionis di Britain yang membawa masuk pendatang Yahudi ke situ. Mogok bertukar menjadi ganas apabila polis cuba menyuraikan perarakan dan tunjuk perasaan. Pembunuhan beberapa penunjuk perasaan memburukkan lagi keadaan umpama menyimbah minyak kepada api yang sedang marak.

Yahudi menubuhkan beberapa pasukan pertahanan dan kawalan keselamatan kawasan bagi memastikan kesatuan dan nyawa mereka terjamin. Tiga buah pasukan militia ditubuhkan iaitu Haganah yang menjadi kumpulan militia terbesar, militia Irgun, dan sebuah lagi kumpulan bersenjata Yahudi dikenali sebagai Lehi.

Dari saat itu, perang antara Israel dan negara-negara Arab di sekelilingnya tidak pernah berhenti. Selepas menamatkan peperangan dan permusuhan secara rasmi dengan Mesir, Israel melakukan apa sahaja bagi memastikan tiada siapa yang dapat mengancam kewujudannya di bumi Palestin. Mereka juga telah mencerooboh masuk ke Lubnan melalui dua peperangan, menggunakan Amerika Syarikat dan NATO bagi memusnahkan Iraq dan menggunakan hasutan serta campur tangan strategik bagi menjatuhkan Libya. Kini pula mereka mengancam memerangi Syria dan Iran habis-habisan.


Sejak 1995 (selepas Perjanjian Oslo ditandatangani) mereka melaksanakan hukuman kolektif terhadap penduduk Gaza yang berasal daripada pelarian Palestin. Penduduk Gaza yang sudah dihalau keluar dari kampung halaman mereka (bagi diisi oleh Yahudi ataupun

dibiarkan kosong sahaja tanpa penghuni) dikumpulkan di situ oleh kerajaan Zionis bagi memudahkan tugas mengawal setiap pergerakan penduduknya dan mengambil tindakan sekiranya perlu. Tragedi kemanusiaan di Gaza mencapai satu tahap yang kritikal dengan kira-kira 1.5 juta penduduk Gaza berhadapan dengan maut saban hari.

Adakah peperangan ini tidak akan berhenti selagi belum kiamat? Adakah kejelikan sikap Zionis ini akan menjadi punca kepada Perang Dunia Ketiga yang membinasakan dan seterusnya membawa kepada Peperangan Terakhir antara Dajal dan Pengikut Kebenaran? Hanya Allah yang Mengetahui.

Buku ini adalah siri terakhir dalam siri trilogi yang menyingkap agenda dan konspirasi kotor Yahudi. Penulis mengemukakan peperangan utama yang berlaku antara Israel dan negara-negara Arab sejak tahun 1947 sehingga ke hari ini dengan agak terperinci serta menebak kemungkinan masa hadapan yang bakal berlaku apabila keadaan menjadi semakin buruk berasaskan kepada pelbagai krisis global masa kini.





BAB I

Palestin pada Awal Kurun ke-20 dan Pertumpahan Darah Bermula

Penghijrahan Yahudi ke Palestin

Penduduk Yahudi di Palestin bertambah dengan pesat dari tahun 1882 hingga 1903 berikutan penghijrahan kira-kira 20,000 hingga 30,000 orang ke bumi Al-Quds akibat tekanan di tanah air mereka ataupun kerana digalakkan oleh pemimpin masyarakat Yahudi sendiri. Sementara dari 1904 hingga sebelum Perang Dunia Pertama, kira-kira 35,000 orang berhijrah dan apabila Perisytiharan Balfour dibuat pada tahun 1917, seramai 85,000 orang Yahudi sudah pun bermastautin di Palestin.

Berikutan sentimen anti Yahudi di Jerman, seramai kira-kira 200,000 Yahudi lagi tiba ke Palestin antara tahun 1932 hingga 1938. Walaupun sebahagian besar pendatang haram ini mahu menetap di Amerika Syarikat, namun para pemimpin Zionis di Eropah mempunyai perancangan tersendiri dan mempengaruhi Rumah Putih supaya tidak menerima dengan sewenang-wenangnya penghijrah Yahudi ini. Bagaimanapun, peraturan dikecualikan sekiranya individu

itu benar-benar diperlukan dan dipastikan dapat memberi sumbangan bermakna kepada komuniti Yahudi antarabangsa.

Kebanjiran Yahudi ke Palestin ini beransur-ansur mengubah demografi wilayah itu. Pada tahun 1882, penduduk Yahudi hanya berjumlah empat peratus daripada bilangan rakyat Palestin, jumlah itu meningkat kepada 13 peratus pada 1922, 28 peratus pada 1935, dan 30 peratus pada 1939. Menjelang 1947, seramai 608,230 orang Yahudi mendiami Palestin berbanding 1.35 juta penduduk Arab.

Walau bagaimanapun, dalam sebuah laporan ataupun catatan yang dibuat oleh pemimpin Zionis, ramai juga penduduk berbangsa Arab yang berasal dari negara Arab yang lain seperti Mesir, Jordan, Iraq, malah ada juga yang berhijrah dari sejauh Arab Saudi. Namun, jumlah mereka tidak direkodkan oleh pentadbir British yang sesetengahnya cuba mengimbangi bilangan penduduk Yahudi.

Pertambahan pesat penduduk bangsa Yahudi ini mendorong kepada perlunya diwujudkan kawasan kediaman yang sempurna buat pendatang haram yang begitu ramai. Bagi memenuhi keperluan yang semakin mendesak, komuniti Yahudi mewujudkan dana nasional bagi membeli tanah di Palestin yang dikenali sebagai Jewish National Fund (*Keren Ha'keyemet*) pada tahun 1901. Antara tahun 1920 hingga 1939, Yahudi membeli hampir 1.5 juta ekar tanah di Palestin daripada tuan tanah berbangsa Arab yang tinggal di luar Palestin. Bilangan petempatan kediaman Yahudi meningkat dengan pesat, iaitu daripada 55 kawasan penempatan pada tahun 1920 kepada 218 pada tahun 1939.

Ketamakan pada wang yang ditawarkan oleh Yahudi kepada tuan tanah ini menyebabkan penyewa miskin yang sekian lama mendiami tanah itu terpaksa berpindah dan meninggalkan kebun dan ladang yang mereka kerjakan sejak beberapa generasi sebelum itu. Golongan berada Arab ini kebanyakannya tinggal di luar Palestin seperti Mesir, Jordan, dan Lubnan; tidak mempedulikan apa yang berlaku kepada

saudara sebangsa dan seagama mereka di wilayah itu. Mereka cuma impikan wang panas yang diterima daripada penjualan tanah. Biar pun mereka tahu Yahudi yang datang ke Palestin pasti mempunyai tujuan jahat yang akhirnya merugikan umat Islam juga.

Kita perlu mengambil iktibar daripada situasi di Palestin yang berpunca daripada sikap umat Islam sendiri. Pemilikan tanah adalah elemen penting dalam menentukan kedudukan kita di negara kita sendiri. Elakkan daripada menjual pemilikan terpenting ini kerana apabila terlepas ia pasti tidak dapat dimiliki semula. Sekiranya terpaksa, cari pembeli dalam kalangan kita.

Selepas Turki tewas dalam Perang Dunia Pertama dan berasaskan kepada Perisytiharan Balfour serta mandat yang diberi oleh League of Nations pada tahun 1922 bagi meletakkan Palestin di bawah kuasa jajahan British (sila rujuk *Konspirasi Yahudi: Peperangan dan Penaklukan*), persoalan mengenai kewarganegaraan tidak timbul sama sekali.

Apa yang ada hanya usaha mahu menguasai seluas mungkin tanah di wilayah bergolak itu sebelum sebarang undang-undang diwujudkan. Yahudi tahu mereka perlu mengambil kesempatan berselindung di bawah kuasa British ini dengan sebaik-baiknya kerana mereka merasakan perlindungan itu tidak kekal lama dan lambat-laun mereka perlu berdikari mempertahankan diri demi kelangsungan hidup. Sementara masih dapat berlindung itulah mereka tekad mendapatkan tanah di Palestin walau dengan apa cara sekalipun.

Langkah penduduk Yahudi membeli tanah ini mewujudkan masalah lain dalam kalangan penduduk Arab, iaitu masalah setingan. Rasa kurang senang yang bertukar menjadi permusuhan yang terkumpul sejak sekian lama. Ia menjadi seperti bom jangka yang hanya menunggu saat meledak. Penduduk Arab juga memusuhi British kerana membawa masuk orang Yahudi ke bumi Palestin.

Pemimpin Zionis berhujah dengan merujuk pada catatan sejarah yang Palestin dalam sejarah moden tidak pernah menjadi sebuah kerajaan. Ia hanya sebuah wilayah di bawah jajahan takluk Empayar Islam Uthmaniyah yang dirampas kembali daripada kuasa Tentera Salib oleh Salahuddin Al-Ayyubi. Menurut mereka lagi, sekiranya dirujuk pada sejarah yang lebih lama lagi, Palestin sebenarnya sudah wujud sejak beribu-ribu tahun lalu dan berada di bawah kekuasaan mereka. Jadi menurut mereka, orang Yahudi yang paling berhak terhadap Palestin. Dengan kepercayaan itu, mereka berpendapat sudah sampai masanya kembali ke ‘Tanah yang Diberkati’ ini.

Sebelum perpindahan besar-besaran Yahudi pada akhir kurun ke-19, penduduk Arab beragama Islam mewakili 80 peratus penduduk Palestin, Kristian sebanyak 10 peratus, dan Yahudi 10 peratus.

Pertumpahan Darah Bermula

Bibit-bibit keganasan mula kelihatan apabila bilangan penduduk Yahudi bertambah secara drastik dan keperluan pada kediaman melalui penguasaan tanah di negara itu semakin mendesak. Ia mula meletus pada awal tahun 1920-an berikutan satu kekacauan besar di Jaffa pada 21 Mei 1921 yang mengakibatkan kematian lebih daripada 300 orang Yahudi dan Arab. Pertelingkahan itu bermula berikutan pergaduhan mengenai persempadanan tanah yang gagal dikawal oleh pihak berkuasa Inggeris. Namun selepas itu, hanya insiden kecil-kecilan yang berlaku hingga 23 Ogos 1929, apabila satu pergaduhan berlaku antara orang Arab dan Yahudi di Baitulmuqaddis dan pada keesokannya 59 orang Yahudi mati dibunuh di Hebron.


Pembunuhan tidak berhenti pada tahun 1930-an dan dalam tempoh antara 1936 hingga 1939 adalah satu jangka masa yang diwarnai oleh kekacauan dan pertumpahan darah yang dikenali sebagai ‘Era Kebangkitan Arab’ apabila penduduk Arab Palestin bangun menentang kuasa penjajah British dengan mengadakan mogok dan sabotaj yang

seterusnya mendorong kepada pertempuran. Punca utamanya kerana British membenarkan orang Yahudi bermaharajalela di situ. Walaupun ia dikenali sebagai Era Kebangkitan Arab, namun dalam tempoh tiga tahun itu seramai kira-kira 5,000 orang Arab Palestin terkorban sama ada di tangan British ataupun di tangan Yahudi.



Gambar 1.1 : Tentangan pejuang Palestin terhadap British 1939

Menyedari keadaan semakin buruk, British mengarahkan sebuah suruhanjaya membuat kajian mengenai penyelesaian yang perlu diambil bagi menyelesaikan pertelingkahan Arab-Yahudi ini. Suruhanjaya yang diketuai oleh Lord William Peel (cucu kepada bekas Perdana Menteri British pada abad ke-19, Robert Peel) mengesyorkan satu rumusan yang bakal mengubah nasib penduduk Arab menjadi lebih buruk, namun disambut penuh gembira oleh penduduk Yahudi. Beliau memutuskan bumi Palestin perlu dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu wilayah yang dimiliki oleh Yahudi dan bahagian yang dikuasai oleh penduduk Arab. Laporan yang dikeluarkan pada Julai 1937 itu diterima dengan senang hati oleh pendatang Yahudi, tetapi ditentang sepenuhnya oleh penduduk Arab.



Gambar 1.2 : Lord Peel tiba di Palestin 1937

sekatan ataupun tidak ditetapkan jumlahnya, penghijrah Yahudi akan datang dalam jumlah yang jauh lebih ramai.

Nyata kertas putih itu adalah muslihat yang tidak dapat dikesan oleh penduduk Arab kerana pada tahun-tahun sebelumnya, penghijrahan Yahudi ke Palestin hanya pada kadar purata 10,000 orang setahun. Saya berpendapat, pemimpin Zionis di Eropah sudah menjangka Holocaust akan berlaku kerana ia adalah rancangan mereka bagi mendorong Exodus atau penghijrahan beramai-ramai Yahudi ke Palestin.

Penduduk Arab hanya menentang langkah yang kononnya menjadi penyelesaian kepada kemelut yang nyata memberi kelebihan kepada Yahudi dan langsung tidak menghormati hak dan pandangan mereka sebagai penduduk yang sedia mendiami wilayah itu. Walau bagaimanapun, seolah-olah bagi memujuk penduduk Arab, British menetapkan sebarang kemasukan selepas tempoh lima tahun itu perlu mendapat kebenaran pihak berkuasa Arab di negara itu. Selain itu, kertas putih itu juga memberi kuasa kepada Pesuruhjaya British di Palestin menghalang sebarang penjualan tanah kepada orang Yahudi.

Perang Arab Israel

SELAGI BELUM KIAMAT

"Kupasan dan naratif penulis tentang Yahudi dan seluruh konspirasinya amat menarik dan mempesonakan."

Profesor Madya Dato' Dr. Abdul Razaq Ahmad

Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor Darul Ehsan.

"Kita hanya akan memahami sisi keji Yahudi ini selepas kita mengkaji dan memerhati pola pemikiran, strategi 'permainan', dan tindakan mereka dengan lebih mendalam."

Ahmad. Helme Sabli

LLM, London. Perunding Undang-Undang.

Buku ini mendedahkan:

- Faktor kekuatan tentera Israel yang memenangi Perang Arab-Israel 1947-1948, Perang Suez 1956, dan Perang Enam Hari 1967, Perang Yom Kippur 1973.
- Faktor kelemahan tentera gabungan Arab yang mendorong kekalahan kepada Israel.
- Strategi yang digunakan oleh kedua-dua pihak.
- Perjanjian Camp David: Sebab dan kesan ke atas Palestin dan Negara-Negara Arab di sekitarnya.
- Konflik Israel-Lubnan (1978-2006).
- Harapan buat negara-negara Islam? Palestin: Kesengsaraan, bantuan luar, dan harapan masa hadapan.

Islam / Politik dan Sejarah

ISBN 978-967-366-152-7



9 789673 661527

Seri Malaysia
Sahab/Sarawak
RM17.00
RM19.00



PTS ISLAMIKA SDN. BHD.
pts.com.my/islamika